

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1994/95**

**APRIL 1995**

**RMK 458 - Amalan Profesional**

**Masa : 3 jam**

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan: Jawab **SATU** soalan dari setiap Bahagian.

**Bahagian A**

1. Huraikan perkhidmatan utama yang disediakan oleh perunding-perunding perancang bandar dan gariskan kod etika profesionnya.

( 25 markah )

2. Dengan merujuk kepada fungsi-fungsi Akta Perancang Bandar dan Desa (Akta 172), 1976, huraikan proses yang diambil oleh pihak berkuasa perancang bandar dalam penyediaan rancangan struktur.

( 25 markah )

**Bahagian B**

3. Bincangkan tanggungjawab Arkitek semasa;

- (a) Tahap Sebelum Tender (Pre Tender Stage)  
(b) Tahap Selepas Tender (Post Tender Stage)

( 25 markah )

4. (a) Terangkan hubungan antara Arkitek dengan Konsultan-Konsultan yang berkaitan di dalam Industri Binaan.

- (b) Bincangkan obligasi Arkitek terhadap majikan dan Kontraktor.

( 25 markah )

**Bahagian C**

5. Tiga perkara yang perlu diteliti di dalam pelan tapak semasa memasukkan pelan M & E ke Jabatan Perkhidmatan Bomba adalah:

- (a) Bekalan air untuk melawan kebakaran
- (b) Kedudukan jalan raya
- (c) Keadaan bangunan-bangunan jiran dan bangunan yang hendak dibina

Berikan penelitian tiap-tiap satu daripada perkara di atas mengikut keperluan pencegah kebakaran.

( 25 markah )

6. Anda diperlukan mengemukakan 3 set pelan-pelan jalan dan parit untuk pertimbangan Majlis Perbandaran. Sebelum pelan-pelan berkenaan diluluskan beberapa kehendak majlis perlu dipatuhi. Senaraikan keperluan-keperluan itu mengikut kepentingan sekurang-kurangnya 20 daripada keperluan yang ada.

( 25 markah )

**Bahagian D**

7. (a) "Peranan Juruukur Bahan di dalam bidang perundingan pembinaan amat mustahak pada masa sekarang, terutama sekali dalam aspek pengurusan kos. Besar kemungkinan bidang ini akan mengepalai semua perunding-perunding pada masa yang akan datang".

Bincangkan.

- (b) Nyatakan dengan panduan gambarajah, aktiviti-aktiviti khusus perunding Juruukur Bahan di dalam proses rekabentuk dan pembinaan.

( 25 markah )

8. (a) Bincangkan tentang konsep pengurusan projek dalam suatu konteks projek rasaksa seperti projek Lapangan Terbang Sepang, serta nyatakan dengan jelas bagaimana ianya boleh memanfaatkan projek tersebut.

- (b) Dengan ringkas, nyatakan mustahaknya konsep 'etika profesionalisme' dalam industri binaan.

( 25 markah )

oooOOooo